

Selia jualan online



Mary Victoria Dass dan Amir Abd Hamid dan Khairul Najib Asarulah Khan
am@hmetro.com.my

"VAPE bukan satu budaya atau trend untuk semua orang cuba-cuba. Jadi kita tak cadangkan vape kepada orang baharu atau bukan perokok.

"Itu antara diterapkan kepada 1,832 ahli seluruh negara yang setiap seorang daripada mereka memiliki premis perniagaan vape," kata Presiden Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) Syed Azaudin Syed Ahmad.

Mengulas isu terkini tular di media sosial berkenaan penggunaan vape dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah, katanya, sudah jelas termaktub dalam syarat utama perlembagaan dewan bahawa vape tidak boleh dijual kepada pembeli bawah umur 18 tahun.

Menurutnya, sekiranya ahli ingkar dan didapati berbuat demikian maka tindakan melucutkan keahlian DPVM akan dilaksanakan serta-merta.

"Setakat ini kita tidak menerima aduan berhubung penjualan vape kepada pembeli bawah umur. Ini kerana syarat keahlian termasuk memerlukan ahli memiliki premis supaya memudahkan kawal selia dilakukan.

"Sebab itu sejak dulu lagi kita tekankan kepada kerajaan bahawa untuk membuat kawal selia dengan memberikan lesen premis kepada ahli dewan supaya mudah untuk lakukan kawalan dan pemantauan," katanya.

Beliau berkata, kemungkinan besar peralatan vape, cecair atau nikotin yang dimiliki pelajar atau remaja bawah umur itu adalah vape yang mudah dibeli melalui dalam talian.

Menurutnya, pihak DPVM sudah menghantar surat kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meminta supaya mengawal penjualan dalam talian khususnya berkaitan vape.

"Sebab kita bimbang penjualan dalam talian adalah terus kepada pengguna akhir yang sukar dikesan sama ada mereka di bawah umur atau tidak."

"Kita juga memohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk meluluskan lesen premis kepada ahli dewan bertujuan memudahkan pengawal seliaan kepada ahli ini."

"Tetapi yang bukan ahli sukar kita nak lakukan perkara ini," katanya sambil menjelaskan DPVM juga sudah mengadakan beberapa perbincangan bersama beberapa agensi kerajaan dan kementerian untuk membincangkan soal penguatkuasaan dan pengawalseliaan vape di negara ini ekoran isu semasa vape dalam kalangan bawah umur.

Syed Azaudin berkata, DPVM mengambil ketetapan mencadangkan vape diselia sebagai produk pengguna dan mengharamkan penjualannya kepada individu bawah 18 tahun serta menghadkan kandungan nikotin pada bawah enam miligram.

DPVM juga, katanya, memohon KPDNHEP mengambil tindakan tegas kepada peniaga yang menjual vape kepada individu di bawah umur.

"Pihak dewan turut berharap guru-guru dan ibu bapa memantau sekiranya ada penggunaan vape di kalangan pelajar sekolah. Sebarang aduan terus berkomunikasi kepada pihak berkuasa."

"Selain itu dalam mesyuarat bakal diadakan bulan depan, saya akan membawa cadangan supaya dewan mempunyai talian Hotline aduan atau di media sosial untuk masyarakat nak mengadu salah laku termasuk premis jual vape kepada individu bawah umur."

"Masyarakat boleh melaporkan salah laku pengusaha contohnya di Facebook (FB), Instagram (IG) dan media sosial dengan mengambil bukti bergambar dan aduan di mana ia berlaku," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 21 Julai 2019 @ 7:01 AM